

**TINJAUAN AWAL MENGENAI PERLAKSANAAN PROGRAM PERPADUAN
DALAM KALANGAN AHLI NGO BERTERASKAN ISLAM DAN BUKAN
ISLAM DI SELANGOR****PRELIMINARY REVIEW ON THE IMPLEMENTATION OF UNITY
PRACTICES AMONG ISLAMIC AND NON -ISLAMIC NGO MEMBERS IN
SELANGOR**

Mohd Irfan Mohd Terin^{1*}, Abd. Hakim Mohad², Ros Aiza Mohd Mokhtar³

¹ PhD Candidate, Pusat Pengajian Siswazah, USIM, irfanalhikmah@gmail.com.

² PhD, Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM, abdhakim@usim.edu.my

³ PhD, Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM. rosaiza@usim.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Perpaduan merupakan agenda penting yang dicetuskan dalam Rancangan Malaysia ke -12, bicara perpaduan sentiasa menjadi sebahagian daripada hala tuju Malaysia ke arah negara maju. Dalam bidang sosial, terutamanya di peringkat Badan Bukan Kerajaan (NGO), hampir semua program yang berkaitan dengan sukarelawan dilakukan perlu mempunyai elemen perpaduan dan kesepaduan sosial. Walaupun elemen perpaduan mempunyai pelbagai cabaran terutama apabila membabitkan NGO berteraskan Islam dan bukan Islam, namun kaedah diversiti terhadap intergenerasi program perpaduan ini merupakan sesuatu yang baru perlu di adaptasi bagi setiap NGO. Oleh itu, kajian awal ini dijalankan terhadap NGO di Selangor tentang pelaksanaan program perpaduan. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang akan meninjau pandangan responden dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak dan responden adalah terdiri daripada 193 orang ahli NGO yang mengikuti program perpaduan di Selangor. Data yang dikumpul dianalisis dan akan diberikan interpretasi mengikut nilai min. Kajian mendapati bahawa ahli NGO di Selangor berpandangan bahawa pelaksanaan program perpaduan adalah sederhana dengan skor min 4.38 (sp=.627). Oleh itu, terdapat ruang yang boleh ditambah baik agar program perpaduan dapat berjalan dengan efisien di masa hadapan.

Kata kunci

Perpaduan, NGO, Berteraskan Islam, Selangor

Abstract

Unity is an important agenda that was triggered in the 12th Malaysia Plan, the talk of unity has always been part of Malaysia's direction towards a developed nation. In the social field, especially at the level of Non -Governmental Organizations (NGOs), almost all programs related to volunteering should have an element of unity and social cohesion. Although the element of unity has various challenges, especially when involving Islamic and non -Muslim -based NGOs, but the method of diversity to the integration of this unity program is something new that needs to be adapted for each NGO. Therefore, this preliminary study was conducted on NGOs in Selangor on the implementation of unity practices. This study is a quantitative study that will survey the views of respondents by using a questionnaire instrument. The study used random sampling method and the respondents consisted of 193 NGO members who participated in the unity program in Selangor. The collected data are analyzed and will be given interpretation according to the mean value. The study found that NGO members in Selangor were of the view that the implementation of unity practices was moderate with a mean score of 2.83 (sp = 1.142). Therefore, there is room for improvement so that the practice of unity can run efficiently in the future.

Keywords

Unity, NGO, Islamic-Based, Selangor

1. Pengenalan

Konsep perpaduan dalam kepelbagaian adalah penting dalam konteks Malaysia yang lebih memfokuskan kepada akulturasi budaya antara kaum-kaum dan etnik yang berbeza. Setelah sekian lama kepelbagaian ini diraikan, pasti strategi perpaduan adalah lebih sesuai dalam konteks kepelbagaian supaya perpaduan dapat dicapai dengan cara yang harmonis tanpa menyisihkan identiti budaya kaum-kaum dan etnik yang berbeza (Shamsul Amri, 2007).

Menurut Zanden (1996) interaksi sosial merupakan tindakan dan reaksi individu dalam menghadapi individu lain. Keadaan tersebut merujuk kepada fokus terhadap amalan sosiologi dimana individu mempunyai perilaku berbeza ketika berada dalam kumpulan. Dalam konteks semasa penglibatan NGO mempunyai kepentingan terhadap hubungan perpaduan dan mempunyai pengaruh terhadap aplikasi kejurangan yang melahirkan masyarakat yang mampu memberi kesan kepada kemajuan, keselamatan dan penghidupan negara makmur (Fatimi. et.al. 2016).

Menurut Diyana (2021) keterlibatan kerajaan dalam masyarakat yang berpecah-belah dalam konteks pembinaan negara masih kurang difahami dalam konteks komunikasi kerajaan. Justeru, kajian Diyana (2021) mengkaji komunikatif dalam konteks proses pembinaan negara Malaysia selepas merdeka. Analisis tematik ke atas kesemua sebelas dokumen pelan tindakan negara (NAP) yang dikenali sebagai Rancangan Malaysia (1965-2016) bagi membolehkan corak persamaan dan perbezaan dalam pembinaan negara dan strategi komunikasi kerajaan dikenal pasti. Temu bual separa struktur telah dijalankan untuk memahami artikulasi kerajaan dan pengoperasian penglibatan dalam konteks proses pembinaan negara.

2. Penglibatan NGO

Penglibatan NGO memainkan peranan penting dalam Istilah berkenaan kesepaduan sosial terhadap peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bermaksud tindakan pertubuhan tidak dipengaruhi oleh kepentingan parti politik dan berunsur perniagaan membawa kepada keuntungan ketika menjalankan perkhidmatan kepada komuniti masyarakat dalam bentuk bantuan, perkhidmatan pemantapan polisi awam (Margaret P. Karns, Encyclopedia Britannica). Kajian terdahulu mendapati NGO dapat mengukuhkan kesepaduan sosial dengan membina norma mengambil berat, bersifat prihatin dan menyumbang kepada masyarakat (Wooley, 1998). Kesepaduan diletakkan sebagai pra-syarat untuk mencapai perpaduan berdasarkan proses perpaduan dalam konteks masyarakat Malaysia. Konsep perpaduan yang dimaksudkan adalah dalam kerangka perpaduan dalam kepelbagaian iaitu bukan perpaduan secara mutlak yang membentuk satu identiti bangsa Negara.

Namun begitu, terdapat beberapa isu dalam penyerapan elemen perpaduan terutamanya pada aspek kesediaan sukarelawan, program dan kumpulan sasar. Manakala cabaran terhadap NGO berteraskan Islam dan bukan Islam adalah cabaran terhadap rasa kesatuan, program menyatupadukan, penerimaan perbezaan, jaminan kesejahteraan dan nilai hidup secara harmoni. Ini bermakna dalam program NGO, perpaduan bukan hanya proses kebersamaan kepada ahli NGO semata-mata tetapi proses menyemai rasa kesatuan, menyatupadukan, penerimaan perbezaan, jaminan kesejahteraan dan nilai hidup secara harmoni yang mana diperolehi hasil daripada program perpaduan yang dijalankan. Justeru, konsep perpaduan dalam konteks Malaysia adalah kesatuan dalam kepelbagaian (Syamsul Amri, 2011). Hal ini boleh dicapai melalui pelaksanaan pelbagai program perpaduan bagi menggalakkan adaptasi kepelbagaian budaya antara kaum dan etnik samada di peringkat kejiwaan, komuniti, daerah, negeri dan negara tanpa menyisihkan identiti budaya mana-mana kaum dan etnik. Walaubagaimanapun, kajian berkenaan perpaduan adalah terhad di mana data berkenaan perpaduan lebih berteraskan cadangan usul dalam parti politik (political based) di mana pengukuran terhadap perpaduan hanya didapati melalui kempen kerajaan serta tidak bergantung kepada polisi Negara (Mohd Idris Jauzi.1993).

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian penyelidikan kuantitatif secara tinjauan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A meliputi jenis NGO dan kaum. Bahagian B meliputi elemen perpaduan dalam NGO. Manakala pada bahagian C adalah komen dan cadangan terhadap program perpaduan, kajian menggunakan *Skala Likert* bermula daripada skala 1 (sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat setuju) bagi setiap item. Kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak. Responden adalah terdiri daripada 193 orang ahli NGO yang mengikuti program perpaduan. Data-data yang dikumpul dianalisis dan akan diberikan interpretasi mengikut nilai min seperti yang terdapat pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi skor min

Nilai Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

3. Dapatan

3.1 Demografi

Jadual 2: Jenis NGO responden

Jenis NGO	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	32	16.6
Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia	32	16.6
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung	32	16.6
MERCY Malaysia	32	16.6
Pertubuhan IKRAM	33	17.1
Young Buddiest Association Malaysia	32	16.6
Total	193	100

Berdasarkan kepada jadual 2, responden paling tinggi adalah daripada Pertubuhan IKRAM dengan jumlah responden seramai 33 orang responden dengan peratus 17.1 peratus sementara NGO Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, MERCY Malaysia, Young Buddiest Association Malaysia adalah masing-masing seramai 32 orang responden dengan peratusan 16.6 peratus.

Jadual 3: Bangsa Responden

Bangsa	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Cina	48	24.9
India	7	3.6
Melayu	136	70.5
Orang Asli	2	1.0
Total	193	100.0

Jadual 3 pula menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 136 orang responden dengan peratusan 70.5 peratus. Diikuti dengan bangsa Cina seramai 48 orang responden dengan peratusan 24.9 peratus. Selain

dari bangsa India seramai 7 orang responden dengan peratusan 3.6 peratus serta Orang Asli seramai 2 orang responden dengan peratusan 1.0 peratus.

Jadual 4: Agama Responden

Jabatan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Buddha	29	15.0
Hindu	4	2.1
Islam	138	71.5
Kristian	4	2.1
Total	191	100

Jadual 4 menunjukkan majoriti responden adalah beragama Islam dengan 138 orang responden dengan peratusan 71.5 peratus diikuti dengan responden beragama Buddha dengan 29 orang responden dengan peratusan 15.0 peratus. Selain itu responden agama Hindu seramai 4 orang responden dengan peratusan 2.1 peratus serta responden agama Kristian seramai 4 orang responden dengan peratusan 2.1 peratus.

3.2 Elemen Perpaduan Dalam NGO

Jadual 5 menunjukkan persepsi ahli NGO tentang elemen perpaduan dalam NGO. Secara keseluruhan, persepsi ahli NGO tentang elemen perpaduan dalam NGO adalah tinggi dengan nilai min 4.38. Item 1 *Program NGO ini memupuk rasa kesatuan sesama peserta* mendapat skor yang paling tinggi dengan nilai skor min 4.67. Item 2 *Program NGO ini menyatupadukan masyarakat berbilang kaum/etnik/agama* mendapat skor min 4.49. Kebanyakan responden dalam kedua-dua item ini menanda pasti dan sangat pasti (skala 4 dan 5) dengan bilangan seramai 177 orang pada item 1 dan 178 orang pada item 2. Item 3 *Program NGO ini menerima perbezaan kaum/etnik/agama sebagai satu kekuatan* juga menunjukkan nilai skor min yang sederhana iaitu 4.26. Item 4 telah mencatatkan nilai skor min yang hampir sama dengan item 3 iaitu 4.21 tentang *Program NGO ini menjamin kesejahteraan masyarakat*. Bagi item 5 iaitu *Program NGO ini menyemai nilai hidup bersama secara harmoni* iaitu 4.29. Bagi ketiga-tiga item ini juga kebanyakan responden telah menandakan skala 4 dan 5 iaitu pasti dan sangat pasti dengan purata 170 orang responden.

Jadual 5:
Elemen Perpaduan Dalam NGO

Bil	Item	STS		TS		TP		S		SS		Min	SP
		K	P	K	P	K	P	K	P	K	P		
1.	Program NGO ini memupuk rasa kesatuan sesama peserta.	0	0	1	0.5	15	7.8	31	16.1	146	75.5	4.67	.641
2.	Program NGO ini menyatupadukan masyarakat berbilang kaum/etnik/agama.	0	0	1	0.5	14	7.3	68	35.2	110	57.0	4.49	.654
3.	Program NGO ini menerima perbezaan kaum/etnik/agama sebagai satu kekuatan.	0	0	1	0.5	17	8.8	106	54,9	69	35.8	4.26	.633
4.	Program NGO ini menjamin kesejahteraan masyarakat.	0	0	1	0.5	16	8.3	117	60.6	59	30.6	4.21	.605
5.	Program NGO ini menyemai nilai hidup bersama secara harmoni.	0	0	0	0	15	7.8	107	55.4	71	36.8	4.29	.603
Keseluruhan												4.38	.627

Sumber: Borang Soal Selidik 2020, Adaptasi dari laporan penyelidikan Abd Hakim Mohad et al.(2017). Laporan Penyelidikan, Kajian Penglibatan NGO di Sabah dalam Isu Perpaduan Nasional. Universiti Malaysia Sabah dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

3.3 Komen dan Cadangan Mengenai Program Perpaduan

Pada bahagian C, responden diberikan ruang untuk memberikan komen dan cadangan tentang pelaksanaan program perpaduan. Ahli NGO telah mencadangkan kepada penganjur agar dapat memberikan pandangan dengan jelas. Pandangan ini perlu dikongsikan supaya tiada syak dan sangkaan terhadap kaum yang berlainan. Ini kerana isu-isu kecil boleh menjadi besar sekiranya tiada kesefahaman antara ahli NGO. Ahli NGO dikumpulkan pada suatu program sukarelawan lebih mudah mencapai kebersamaan seperti isu banjir dan kemiskinan. Kebersamaan dalam isu-isu penting membantu ahli NGO untuk memahami antara satu sama lain. Oleh yang demikian, NGO perlu melakukan persiapan yang lebih awal terutama dari aspek kelainan agama, budaya dan bahasa seperti menggunakan hanya satu bahasa, penyediaan makanan halal dan termasuk kemudahan meliputi tandas dan surau. Selain itu meraikan kepelbagaian juga mencadangkan agar rakaman semasa bantuan dapat dikongsikan di platform media sosial masing-masing supaya mudah untuk dicapai dan boleh diakses pada bila-bila masa.

Selain itu, NGO disarankan agar dapat memberikan jadual atau rancangan selama setahun kepada para ahli bagi memudahkan perancangan masa. Ini termasuk memberikan agihan tugas lebih awal bagi memberikan perancangan mencukupi dalam aspek penyediaan budget, kenderaan dan tenaga kerja. Ahli NGO juga mencadangkan agar kaedah kluster dilaksanakan meliputi kluster kewangan, kluster perubatan, kluster pendidikan dan kluster sukarelawan supaya dapat mengelakkan daripada sesuatu agenda dijalankan secara tergesa-gesa dan tidak mengikut masa. Bahkan ahli NGO juga bersedia untuk mengadakan perjumpaan dan mesyuarat tambahan bagi memastikan setiap agenda dapat dijalankan dengan sepenuhnya.

Terdapat juga dalam kalangan ahli NGO yang lebih selesa dengan kaedah perancangan *one-off* berbanding dengan perancangan tahunan melalui bantuan segera seperti bantuan perniagaan, pendidikan dan sara diri kerana kaedah seperti ini dapat menggalakkan penyerahan bantuan kepada yang benar-benar memerlukan walaupun kaedah ini menggunakan perbelanjaan yang banyak. Kaedah *one-off* ini kebiasaannya dilakukan melalui keperluan kritikal seperti banjir besar, penyakit kritikal, kerugian perniagaan dan akses pendidikan. Namun demikian sebaliknya, terdapat juga ahli NGO mencadangkan agar kekerapan dan tempoh pelaksanaan bantuan secara tahunan melalui pelbagai *platform* terutamanya media sosial, penyiasatan dan keperluan bantuan berkala.

Ahli NGO juga banyak memberikan komen tentang aspek bantuan bertindih. Ahli NGO menyarankan agar disediakan rangkaian perbincangan NGO kepada supaya NGO yang terlibat tidak meakukan bantuan bertindih. Bantuan tersebut juga boleh diberikan dalam bentuk bantuan kewangan dengan keselarasan terutama melibatkan makanan dan pakaian supaya bantuan tersebut tidak tepu dalam gudang simpanan. Selain itu, bantuan keewangan juga dapat membantu mangsa memulai kehidupan yang baru dengan sokongan moral supaya kadar kebergantungan dapat dikurangkan. Oleh kerana masalah sokongan moral, terdapat banyak penerima bantuan kembali meminta bantuan semula kerana tiada motivasi untuk membangunkan kehidupan. Suasana kebersamaan ini harus dilakukan semua pihak kerana kaum cina mahir dalam perniagaan, kaum India mahir dalam pertukangan dan kaum Melayu mahir dalam pengurusan keluarga. Selain daripada itu, terdapat

dalam kalangan ahli NGO yang kurang selesa dengan bergerak secara bersendirian kerana keupayaan untuk membangunkan manusia perlu dilakukan dalam segenap aspek.

Selain daripada cadangan di atas, terdapat juga dalam kalangan ahli NGO yang tidak mahu keluar daripada zon selesa bergaul dengan ahli NGO lain kerana menurut mereka kaedah ini adalah mengganggu fokus. Kaedah pergaulan akan dapat memberikan kerjasama kepada ahli NGO bagi sesuatu isu yang perlu diselesaikan. Oleh yang demikian, ahli NGO mencadangkan agar pengurusan NGO untuk mencari kaedah bagaimana untuk memastikan aktiviti NGO secara bersama dalam tempoh penyelesaian isu yang sedang dijalankan dan bukan mencari kaedah yang sesuai dalam bergerak secara bersendirian. Terdapat juga dalam kalangan ahli NGO yang mahu membangunkan masyarakat secara berkala kerana keperluan masyarakat ini dalam jangka masa yang panjang.

4. Perbincangan

Berdasarkan demografi, majoriti responden adalah terdiri daripada pelbagai NGO yang berlainan latar belakang. Mereka adalah kumpulan ahli NGO yang terlibat dalam program perpaduan. Manakala kumpulan ahli NGO mengikut bangsa adalah bangsa Melayu diikuti bangsa Cina seterusnya bangsa India dan Orang Asli. Majoriti adalah bangsa Melayu yang aktif dalam kegiatan NGO terutama bencana alam, wabak penyakit dan kawasan pedalaman. Begitu juga bagi kaum-kaum lain yang terlibat secara langsung dengan kegiatan NGO masing-masing bagi kepentingan awam. Oleh itu, majoriti responden adalah kumpulan yang hanya terlibat bagi kumpulan NGO mereka sahaja tanpa mempunyai matlamat yang lain. Manakala taburan ahli NGO mengikut agama juga sesuai dengan populasi masyarakat di Selangor iaitu majoriti ahli NGO adalah agama Islam dan sebaliknya agama Hindu dan Kristian pula merupakan responden yang paling sedikit jika dibandingkan dengan responden dari agama Islam dan Hindu.

Item 1 *Program NGO ini memupuk rasa kesatuan sesama peserta* mendapat skor yang paling tinggi dengan nilai skor min 4.67. Skor min ini adalah tinggi dengan majoriti daripada responden iaitu seramai 177 orang menandakan skala 4 dan 5 iaitu pasti dan sangat pasti dengan program NGO ini menyebabkan terpupuknya rasa kesatuan setiap ahli NGO. Ahli NGO masih dalam proses untuk mengaplikasikan konsep perpaduan dalam kepelbagaian dalam konteks Malaysia yang lebih memfokuskan kepada akulturasi budaya antara kaum-kaum dan etnik yang berbeza. Setelah sekian lama kepelbagaian ini diraikan, pasti strategi perpaduan melalui program NGO adalah lebih sesuai dalam konteks kepelbagaian supaya perpaduan dapat dicapai dengan cara yang harmonis tanpa menyisihkan identiti budaya kaum-kaum dan etnik yang berbeza (Shamsul Amri, 2007).

Skor min bagi item kedua *program NGO ini menyatupadukan masyarakat berbilang kaum/etnik/agama* mendapat skor min 4.49 adalah tinggi dan terdapat 178 orang responden yang menandakan skala 4 dan 5 iaitu pasti dan sangat pasti sebagaimana teori Harriet Martineau (1853) menjelaskan kesatuan manusia kepada tiga tahap, pertama, peringkat teologi kesatuan manusia diterangkan melalui supernatural, kehidupan semulajadi diberikan taraf kemanusiaan dan keperibadian oleh masyarakat primitif. Keinginan semulajadi mempunyai naluri kemahuan, kesedaran dan semangat. Dengan demikian, kebergantungan kesatuan manusia

bergantung kepada pemikiran dalam memahami kepada peristiwa dan persekitaran yang didiami. Kedua, peringkat metafizik kesatuan manusia peringkat ini mempunyai persamaan dengan peringkat pertama dengan menggunakan keyakinan kepada ketuhanan, dewa dan semangat yang bersifat perseorangan dimana telah membawa kepada kepercayaan terhadap semangat yang abstrak seperti zat dan kuasa. Ketiga, peringkat saintifik kesatuan manusia pada fasa ini manusia memerhatikan alam secara objektif dan tenang untuk mencari hukum kewujudan alam dicipta bersama dan berulang-ulang. Kaedah sains untuk menerang dan memahami *The Law of Progress* dan *The Social Order* (Marx, 2018).

Item 3 *Program NGO ini menerima perbezaan kaum/etnik/agama sebagai satu kekuatan juga menunjukkan nilai skor min yang sederhana* iaitu 4.26. Item 4 telah mencatatkan nilai skor min yang hampir sama dengan item 3 iaitu 4.21 tentang *Program NGO ini menjamin kesejahteraan masyarakat*. Bagi item 5 iaitu *Program NGO ini menyemai nilai hidup bersama secara harmoni* iaitu 4.29. Bagi ketiga-tiga item ini juga kebanyakan responden telah menandakan skala 4 dan 5 iaitu pasti dan sangat pasti dengan purata 170 orang responden. Ianya bertepatan dengan kajian Cory (2000), Muhammad (2015) dan Husnul (2018), ketiga-tiga kajian tersebut adalah bersifat polisi dan politik dimana kajian Cory (2000) menyifatkan bahawa keselamatan tanah air akan terjejas apabila perpaduan dan kesepaduan diketepikan dalam pembinaan polisi negara. Faktor globalisasi dan kedaulatan negara yang terancam adalah disebabkan penghijrahan, kepesatan teknologi di kawasan lain, faktor ekonomi dan dua kewarganegaraan. Sementara bagi kajian Muhammad (2015), dokumen dasar kurikulum (peringkat makro), buku teks (peringkat meso), dan guru (peringkat mikro). Hasil analisis dokumen menunjukkan bahawa wacana yang diperbincangkan adalah mengenai perpaduan nasional dalam identiti kebangsaan, kepelbagaian budaya, dan perspektif global dalam perpaduan kebangsaan. Sekali itu kajian Husnul (2018) menyentuh mengenai menyatupadukan bangsa pelbagai kaum dan etnik dalam peringkat teks, peringkat ayat dan tahap perkataan serta tafsiran kontekstual. Tafsiran data dalam kajian Husnul (2018) adalah mesej ucapan dapat mempengaruhi dalam konteks pengaruh politik. Penemuan Cory (2000) menunjukkan bahawa analisis wacana dapat meneroka hubungan antara bahasa, kuasa, dan ideologi dalam kalangan warga sehingga majoriti dapat bersetuju terhadap cadangan yang diutarakan.

Manakala menurut Nadja (2006) & Douglas (2005) menyentuh mengenai motivasi komunikasi terhadap perpaduan. Motivasi tersebut dinyatakan Nadja (2006) dalam bentuk komunikasi di mana identiti kebangsaan dan patriotisme bermasalah dan sensitif dalam masyarakat kontemporari Jerman dapat dipulihkan. Identiti nasional yang positif penting untuk kesejahteraan negara. Justeru, penyelidikan dalam konteks komunikasi Nadja (2006) mengkaji mengenai proses membentuk identiti nasional dalam penerimaan budaya antara pelbagai etnik dan kaum. Kajian dalam bentuk kumpulan fokus dalam masyarakat Jerman membina semula identiti kebangsaan dengan berkomunikasi dengan individu daripada bangsa lain. Ianya mendapati bahawa identiti kebangsaan masyarakat kontemporari Jerman di tahap kuat dengan membentuk kaedah komunikasi berkesan walaupun berhadapan kesukaran dalam membangun kebudayaan Negara sehingga sukar untuk membentuk identiti kebangsaan yang sihat dan positif. Selain itu, menurut Douglas (2005) idea terhadap multikulturalisme diuji sejauhmana penerimaan terhadap kerangka ideologi untuk menyelesaikan hubungan antara kaum. Kajian Douglas (2005) menyatakan mengenai data tinjauan dan temu bual untuk mengenal pasti corak sokongan terhadap ideologi multikulturalisme dalam masyarakat Amerika

Syarikat. Data kuantitatif Douglas (2005) menunjukkan bahawa hubungan percampuran adalah salah satu daripada beberapa pemboleh ubah yang berkorelasi positif disamping data temu bual menunjukkan kecenderungan untuk memihak kepada pluralisme budaya.

Menurut Johan Heilbron (2017) dalam Karya Auguste Comte Cours de Philosophy Positive (1830-1842) menyatakan bahawa sejarah kesatuan manusia adalah mengikut satu susunan yang mematuhi suatu hukum tertentu. Perkembangan evolusi kesatuan manusia berkembang bersama dengan kemajuan yang mewujudkan perkembangan intelek. Berdasarkan falsafah Law of Human Progress menyatakan tiga peringkat perkembangan teori kesatuan manusia meliputi peringkat teologi (keagamaan), peringkat metafizik (abstrak) dan peringkat saintifik (positif) pada item 1 dan item 2.

Zanden (1996) dalam bukunya *Sociology: The Core* menyatakan bahawa interaksi sosial merupakan tindakan dan reaksi individu dalam menghadapi individu lain. Keadaan tersebut merujuk kepada fokus kesatuan manusia terhadap amalan sosiologi dimana individu mempunyai perilaku berbeza ketika berada dalam kesatuan. Dalam konteks tindakan dan reaksi individu dalam menghadapi individu lain, mewujudkan kepentingan terhadap hubungan dan pengaruh terhadap aplikasi kejuruan yang melahirkan masyarakat yang mampu memberi kesan kepada kemajuan, keselamatan dan penghidupan negara. Dalam pandangan yang lain, menurut Waters, Mary C. (1994) berkaitan kesatuan manusia dalam bukunya *Ethnic and Racial Identities of Second-Generation Black Immigrants in New York City*. Water (1994) menyatakan bahawa fenomena yang terjadi dalam kesatuan manusia merupakan refleksi terhadap isu yang berlaku, kerana fenomena yang wujud tidak akan terjadi dengan sendiri. Maka, adakala kewujudan persepsi diwujudkan pihak yang mencetuskan isu merupakan dimensi yang mempengaruhi pola pemikiran terhadap sentimen kesatuan manusia

5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, ahli NGO berteraskan Islam dan bukan Islam di Selangor berpandangan bahawa pelaksanaan program perpaduan dalam kalangan ahli NGO berteraskan Islam dan Bukan Islam adalah tinggi dengan skor min 4.38 ($sp=.627$). Dapatan tersebut menjelaskan bahawa majoriti responden bersetuju dengan elemen perpaduan dalam program NGO dapat mencapai hasil program yang dijalankan oleh setiap NGO yang dilaksanakan kepada setiap ahli terlibat. Usaha untuk memastikan elemen perpaduan dalam setiap program NGO dapat berjalan dengan efektif juga hendaklah digembleng bersama iaitu antara NGO, ahli, sukarelawan dan kerajaan. Mereka yang terlibat di dalam dunia NGO terutamanya ahli hendaklah sentiasa mempersiapkan diri dengan kemahiran baru sesuai dengan keperluan semasa komuniti masyarakat. Ini kerana kepercayaan masyarakat terhadap NGO dalam pengurusan komuniti adalah tinggi. Malahan, elemen perpaduan pada masa hadapan termasuk dalam bahagian kritikal yang memerlukan perbelanjaan besar dalam setiap Rancangan Pembangunan Malaysia. Oleh itu, elemen perpaduan dalam program NGO ini seharusnya dilihat sebagai peluang untuk inovasi dan kerjasama

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti

Sains Islam Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan penyelidikan, dalam masa yang sama membiayai kos penerbitan makalah ini sebagai artikel jurnal dalam *JPI:JURNAL PENGAJIAN ISLAM*. Melalui dana yang diberikan kepada projek penyelidikan FRGS/1/2019/SS06/USIM/02/1.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. 2005. *Hak dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum Dari Perspektif Syariah*. In *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, Buku 2005. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abd. Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Mufidah Binti Ruji Jaman, 2018, Peranan Ngo Islam Di Sabah Dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat: Satu Tinjauan Awal, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS), SPECIAL ISSUE (2018): 97-109*.
- Aizat Khairi, Konsep 1Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan sebuah Negara-Bangsa: *SOSIOHUMANIKA*, 4(1) 2011. Aliran. 15 Disember 2016. (Diakses 12 June 2018)
- Amir Hasan Dawi. 2002. *Pentoeorian Sosiologi dan Pendidikan*. Edisi ke-2. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Arrington, R.E. 1940. Contribution of Sociology to Elementary Education. *The Journal of Educational Sociology*. 13(8): 449-452. Dlm <http://www.jstor.org/stable/2261859>. 16 Oktober 16.
- Atkinson, G., Nevill, 1998, A.M. Statistical Methods For Assessing Measurement Error (Reliability) in Variables Relevant to Sports Medicine. *Sports Med* 26, 217–238 (1998).
- Awang, Z. (2010), *Research Methodology for Business and Social Sciences*. Malaysia: Universiti Teknologi MARA.
- Azyyati Mohd Nazim. Fariza Md. Sham. Salasiah Hanin Hamja. 2014. *Jurnal Hadhari 6 (1) (2014): Peranan NGO Islam Dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari Di Malaysia (The Role of Islamic Non-Government Organizations (NGO) in Realizing the Islam Hadhari Approach in Malaysia) 1-12*
- Bradley, H., Croce, B., & Meredith, C. M. (1915). Historical Materialism and the Economics of Karl Marx. *The Journal of Philosophy, Psychology and Scientific Methods*, 12(26), 718. <https://doi.org/10.2307/2012429>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education* (5 ed.). London: th Routledge Falmer.
- Cory J. Petro. 2000. Master Thesis: Globalization VS National Sovereignty, Point Pak University.
- Diyana N. Kasimon (2021). Doctor of Philosophy: Engaging Divided Society In The Nation-Building Process: The Case Of Government Communication In Malaysia. School of Media, Communication & Sociology University of Leicester.
- Donlon, B dan Wyatt, A. 2013. *The Effect of Community Involvement through PENCIL*. Degree of Doctor of Education. Lipscomb University's College. Dlm <http://search.proquest.com.ezproxy.ums.edu.my>. 22 Oktober 2016.
- Douglas (2005) Doctor Of Philosophy: Unity Through Diversity? Assimilation, Multiculturalism And The Debate Over What It Means To Be An American. December 2005 University Of North Texas
- Elster, J. 1998. Emotions and Economic Theory. *Journal of Economic Literature*,

- 36(1), 47-74. Retrieved December 16, 2020, from <http://www.jstor.org/stable/2564951>
- Epstein, J.L. 1991. Paths to Partnership: What We Can Learn from Federal, State, District, and School Initiatives. *Phi Delta Kappan*. **72**(5): 344-349 dlm. <http://www.jstor.org.ezproxy.ums.edu.my/stable/pdf/20404402.pdf>. 13 April 2016.
- Epstein, J.L. 1995. *School-Family-Community Partnerships: Caring for the Children We Share*. *Phi Delta Kappan*. **76**(9): 701-712 dlm. <http://pdk.sagepub.com/content/92/3/81.full.pdf+html>. 3 April 2016
- France Wooley (1998). Social Cohesion and Voluntary Activity: Making Connections. Centre for the Study of Living Standards, Conference on the State of Living Standards and the Quality of Life in Canada. October 30 - 31, 1998 Ottawa, Ontario.
- Fatimi Hanafi, Zulkainain Abdul Rahman & Arbaiyah Mohd Noor (2016). Perpaduan Politik Asas Intergrasi Nasional di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol. 3(1), pp.29-54.
- Haris, A. W. (2010). Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: Pendekatan dan indikator. *Seminar Serantau Islam Dan Kesejahteraan Sejagat*, 1–16.
- Hatta, Z. A., Fazwan, A., & Farouk, A. (2008). Pembangunan sosial 50 tahun merdeka. *Jurnal Kemanusiaan*, **12**, 33–42.
- Hazil Abdul Hamid. 1990. *Sosiologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henderson, A.T dan Mapp, K.L. 2002. *Anew wave of Evidence: The impact of Family, School and Community Connections on Student Achievement*. AnnuSynthesis. Austin, TX: Southwest.
- Hogue, M.L. 2012. *A Case Study of Perspective on Building School and Community Partnerships*. Dissertation Doctor of Education. University of South Florida dlm. <http://search.proquest.com.ezproxy.ums.edu.my>. 1 Mei 2016.
- Husnul Kariba (2018), Tesis Sarjana Sastera: A Critical Discourse Analysis On State Address Of President Jokowi. Department OF English Faculty Of Cultural Studies University Of Sumatera Utara Medan 2018
- Hussein Ahmad. 2001. *Mandat UNESCO dan Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Inkeles, Alex. 1985. *Apa itu Sosiologi. Suatu Pengenalan Mengenai Disiplin dan Profesion*. Terjemahan Chew Hock Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, H. (2012). *Proses Penyaluran Maklumat dalam Skop Tadbir Urus Dasar Pengurusan Alam Sekitar Bandar Information Dissemination Process within the Scope of Urban Environmental Policy Governance*. **8**, 38–43.
- Jabatan Perpaduan Negara. 1989. *Mekanisma Perpaduan 1989*. Jabatan Perpaduan. (1989).
- Johan Heilbron, « How to interpret Auguste Comte? », *Revue d'histoire des sciences humaines* [En ligne], 34 | 2019, mis en ligne le 27 mai 2019, consulté le 18 mai 2021. URL : <http://journals.openedition.org/rhsh/3373> ; DOI : <https://doi.org/10.4000/rhsh.3373>
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012a. *Pelan Pembangunan Pendidikan*

- Malaysia 2013– 2025: Ringkasan Eksekutif*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary- BM.pdf>. 3 April 2016.
- Samsudin A. Rahim. 2003. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Margaret P. Karns, February 24, 2020, Encyclopedia Britannica: <https://www.britannica.com/topic/nonprofit-organization> 27 July 2020.
- Marx, K., & Stiglitz, J. (2018). Pengaruh Tindakan Afirmatif Kepada Agihan Kekayaan Antara Etnik di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 269–281. <https://doi.org/10.17576/jem-2018-5201-22>
- Mazlan Che Soh Makmor Tumin. 2016. Jurnal UKM 2016: Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan di Malaysia Sehingga Tahun 2015 Sejarah, No. 26, Bil. 2, Disember 2017, hlm. 49-70.
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Husaina Banu Kenyathulla. 2015. *Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Idris Jauzi.1993. Muafakat Pendidikan: Konsep, Tuntutan, Prinsip dan Strategi. *Jurnal Komuniti*. 1(1). Genting Higjland: Institut Aminuddin Baki
- Muhammad Yaar (2015). Doctor of Philosophy: Pakistani National Identity, Cultural Diversity, and Global Perspectives: A Policy Trajectory Study of the National Curriculum for Secondary School Pakistan Studies in Punjab. Faculty of Education University of Tasmania Launceston, Tasmania.
- Nadja (2006). Master Of Arts: Construction of national identity and national pride of Germans in the intercultural context Department of Communication and Theatre Arts. Eastern Michigan University
- Nur Inani Ismail & Wan Norhaniza Wan Hasan, 2019, Analisis Epistemologi Islam dalam Fiqh Keutamaan, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS) VOL 6 BIL 1 (2019):16-29*.
- Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris. 2008. *Perjuangan Memperkasa Pendidikan Di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Omar Mohd Hashim. 1991. *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ottaway, A.K.C .1955. *Education and Society*. London: Routledge and Kegan Paul Limited.
- Ramaiah, A. 1999. *Kepimpinan Pendidikan*. Cabaran Masa Kini. PJ: IBS Buku Sdn Bhd
- Record, V.N. 2012. *The Development and Implimentation of Successful School-Community Partnerships in Public Elemantary Education*. Tesis PhD. University of La Verne. dlm. <http://search.proquest.com.ezproxy.ums.edu.my>. 1 Mei 2016.
- S. Susanto. 1987. *Komunikasi: Teori dan Praktis*. Ubahsuaian Wan Sakinah Wan Abraham. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanders, M.G. 2015. *Building School-Community Partnerships: Collaboration for Student Success*. New York: Skyhorse Publishing
- Sanders, M.G dan Harvey, A. 2002. Beyond the School Walls: A Case Study of Principle Leadership for School-Community Collaboration. *Teachers College*

- Record. **104**(7):1345-1368 Dlm.
<https://www.researchgate.net/publication/249400287>. 12 Jun 2016
- Sanders, M.G. 2001. The role of community in comprehensive school, Family, and Community Partnership Programs. *The Elementary School Journal*. Vol **102**(1):19-34. Chicago: The University of Chicago Pres. Dlm.
<http://www.jstor.org/stable/1002167>. 31 Mac 2016.
- Sanders, M.G. dan Epstein, J. L. 2005. *School-Family-Community Partnerships and Educational Change: International Perspectives*. Dalam Hargreavers, A. Extending Educational Change. Springer Netherlands. Dlm.
<http://link.springer.com/book/10.1007%2F1-4020-4453-4>. 13 April 2016.
- Sanders, M.G. dan Epstein, J.L. 1998. *School-Family-Community Partnerships in Middle and High Schools: From Theory to Practice*. Report No. 22. The Center
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Shamsul Amri Baharuddin (2011). Kesatuan Dalam Kepelbagaian. Cetakan Pertama. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM Bangi.
- Sheldon, S.B. 2015. Moving beyond monitoring: A District Leadership Approach To School, Family, and Community partnerships. Dalam Sheldon, S.B dan Kim, E.M. 2015. *Family-school partnerships in context*. Springer International Publishing
- Sheldon, S.B. 2003. Linking School–Family–Community Partnerships in Urban Elementary Schools to Student Achievement on State Tests. *The Urban View*. Vol 35(2): 149- 165 dlm. <http://www.d11.org>. 19 Jun 2016
- Siti Raba'ah Hamzah, 2005, *Kemapanan Persatuan Belia Dan Peranan Pemimpin Sebagai Agen Perubahan*, Tesis Sarjana Sains.
- Sufean Hussin. 2009. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia. Teori dan Analisis*. Cetakan ke 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhailie Yaacob, 2019, Pengaruh Gaya Kepimpinan Ke Atas Prestasi Institusi Pengajian Tinggi Swasta, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS) VOL 6 BIL 1 (2019):167-184*
- Unit Perancang Ekonomi. 2015. Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020: Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Waters, Mary C. 1994. "Ethnic and Racial Identities of Second-Generation Black Immigrants in New York City." *International Migration Review* 28 (4): 795-820
- Wazzainab Binti Ismail, Hafida Mohamed Nordin, Noorazimah Binti Ismail, 2019, Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH) Satu Cadangan Pendekatan Penyampaian Ilmu Bahasa, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS) VOL 6 BIL 1 (2019):154-166*.
- Winer, M dan Ray, Karen. 1994. *Collaboration Handbook: Creating, Sustaining, and Enjoying the Journey*. Minnesota: Amherst H. Wilder Foundation Dlm
<http://www.fieldstonealliance.org>. 2 Mei 2016
- Zahanim Ahmad, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang, 2019, Kajian Kolerasi Kesejahteraan Emosi Pelajar Cemerlang: Signifikasi Positif Aktiviti Senggang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS) VOL 6 BIL 1 (2019):130-143*.
- Zanden James W. Vander Zanden 1996. *Sociology: The Core*. McGraw-Hill Education.